

12/10/2001

Keputusan beli peralatan tentera akan diumumkan

KEMENTERIAN Pertahanan akan mengumumkan keputusan kerajaan mengenai pembelian peralatan ketenteraan bagi memperkukuhkan lagi sistem pertahanan negara, dalam masa beberapa hari lagi.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata keputusan pembelian itu tidak boleh dilakukan tergesa-gesa kerana banyak perkara perlu dipertimbangkan selain kajian dan penelitian mendalam berhubung keperluannya.

"Pengumuman akan dibuat dalam tempoh sehari dua lagi... kita tunggu dulu," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01) di sini, hari ini.

Najib diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika perasmian pada Selasa lalu yang menyatakan kerajaan akan memberi peruntukan lebih besar kepada industri pertahanan dan aeroangkasa pada masa akan datang.

Mengenai kemungkinan Kementerian Pertahanan membeli jenis pesawat yang terbabit dalam persembahan aerobatik, Najib berkata: "Semuanya berkemungkinan tetapi perlu membuat kajian mendalam sebelum boleh membuat apa-apa keputusan."

(END)